Kolej Yayasan Saad terus cemerlang, separuh pelajar raih semua A dalam SPM (Berita Harian-2 May 2025)



Ketua Pegawai Eksekutif Hektar Asset Management, Zainal Iskandar

KUALA LUMPUR: Kolej Yayasan Saad (KYS) Melaka terus mengukuhkan kedudukannya sebagai antara sekolah swasta terbaik di Malaysia apabila separuh daripada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 sekolah itu memperoleh semua A dalam keputusan yang diumumkan baru-baru ini.

Lebih membanggakan, pencapaian itu meletakkan KYS di tangga kesembilan terbaik peringkat kebangsaan, menurut senarai rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, sekali gus mengekalkan reputasinya sebagai institusi pendidikan unggul.

KYS merupakan hartanah pendidikan yang dimiliki Hektar Real Estate Investment Trust (Hektar REIT), diuruskan oleh Hektar Asset Management Sdn Bhd. Pencapaian cemerlang itu disifatkan sebagai bukti keberkesanan pelaburan strategik Hektar REIT dalam sektor hartanah pendidikan.

Ketua Pegawai Eksekutif Hektar Asset Management, Zainal Iskandar, berkata keputusan konsisten KYS bukan sahaja menunjukkan kekuatan akademik institusi itu, malah mencerminkan kejayaan dalam melahirkan pemimpin masa depan negara yang berdaya saing dan berwibawa.

"Pencapaian luar biasa ini menyerlahkan kepentingan infrastruktur pendidikan berkualiti tinggi. Ia membuktikan bahawa pelaburan jangka panjang dalam sektor ini boleh memberikan impak positif kepada pembangunan negara," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya lagi, pendekatan pendidikan di KYS menggabungkan kecemerlangan akademik dengan elemen kepimpinan, penguasaan bahasa, inovasi serta pembentukan sahsiah, menjadikan pelajarnya bersedia menghadapi cabaran masa depan.

"Di KYS, pendidikan melangkaui sempadan bilik darjah. Kurikulum mereka merangkumi pembelajaran pelbagai bahasa seperti Mandarin dan Perancis, pengkodan, program seni dan muzik bertaraf anugerah, sukan serta pengucapan awam," katanya.

Zainal turut memaklumkan bahawa KYS sebelum ini turut mencatat kadar pencapaian sama dalam keputusan SPM 2023, di mana 50 peratus pelajarnya meraih semua A dan ramai antara mereka menerima biasiswa penuh untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Antara kejayaan membanggakan terbaharu adalah penerimaan pelajar KYS, Athena Siow, ke Kolej Harvard dengan biasiswa penuh, dan bakal menamatkan pengajian sebagai sebahagian daripada Kelas 2029.

Tambahnya, graduan KYS secara konsisten melanjutkan pengajian ke universiti ternama dunia termasuk Harvard, Cambridge dan universiti dalam kelompok Ivy League, mencerminkan tahap pencapaian akademik dan pembangunan pelajar yang tinggi.

"Hektar REIT akan terus menyokong pertumbuhan institusi seperti KYS yang memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan negara melalui pendidikan berkualiti," kata Zainal.

Beliau juga menekankan bahawa fokus Hektar REIT terhadap sektor pendidikan mencerminkan strategi pelaburan mampan dan impak sosial jangka panjang, sejajar dengan aspirasi membangunkan komuniti berpengetahuan dan berdaya tahan.

KYS yang ditubuhkan lebih dua dekad lalu, terus menjadi penanda aras dalam pendidikan menengah swasta di Malaysia dengan gabungan pencapaian akademik dan pembangunan pelajar yang seimbang serta menyeluruh.